



GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT



KATA-KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera.

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerbitkan Garis Panduan ini.

Tujuan Garis Panduan ini diterbitkan adalah untuk menjelaskan kepada seluruh warga KBS mengenai etika berpakaian dan penampilan semasa bekerja yang perlu dipatuhi.

Semestinya menjadi matlamat KBS untuk menonjolkan imej warga KBS yang berkredibiliti bagi mencerminkan profesionalisma individu itu sendiri dan warga KBS dalam menunaikan tanggungjawab serta memperkukuhkan persepsi dan keyakinan pihak luar yang berurusan dengan KBS.

Saya berharap agar dengan penerbitan Garis Panduan ini, ia akan menjadi rujukan yang jelas dan dipatuhi oleh semua warga KBS dalam membentuk penjawat awam yang beretika dan berketerampilan.



A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Jamil'.

(DATUK JAMIL BIN SALLEH)

ISI KANDUNGAN

	<u>M/s</u>
○ OBJEKTIF	4
○ LOUNGE SUIT	5
○ PAKAIAN PEJABAT LELAKI	6
○ PAKAIAN THREE–PIECE PANT SUIT WANITA	7
○ SUIT WANITA	8
○ PAKAIAN PEJABAT WANITA	9
○ BAJU BATIK	10
○ PAKAIAN KEBANGSAAN	11
○ BAJU KORPORAT KBS	13
○ PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN	14
○ KETERAMPILAN DIRI:	
• PENGGUNAAN TANDA NAMA	16
• PEMAKAIAN KASUT	17
• PENGGAYAAN RAMBUT	18
○ PEMATUHAN ARAHAN	19
○ PENUTUP	21

OBJEKTIF

Tujuan garis panduan ini dikeluarkan adalah sebagai rujukan kepada semua warga KBS dalam menyediakan diri sebagai individu yang profesional dan berketerampilan. Garis panduan ini juga menjelaskan dan memberi gambaran sebenar mengenai tatacara berpakaian yang mesti dipatuhi oleh seluruh warga KBS berdasarkan kepada arahan dan pekeliling perkhidmatan yang diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Setiap warga KBS perlu memberi penekanan mengenai perkara ini bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



LOUNGE SUIT



- Pemakaian *lounge suit* bagi pegawai lelaki di KBS adalah kot dan seluar panjang (*slacks*) yang sama warnanya dan digalakkan menggunakan warna yang gelap dengan bahan kain yang sesuai.
- Baju kemeja yang digunakan mestilah berlengan panjang, berwarna yang sesuai dan tangan baju tidak dilipatkan.
- Tali leher yang digunakan hendaklah sesuai dan berpadanan dengan warna baju kemeja tersebut.

PAKAIAN PEJABAT LELAKI

- Bagi penggunaan pakaian pejabat, pegawai lelaki di KBS boleh memakai baju kemeja berlengan panjang dan tali leher tanpa perlu memakai kot.
- Pemakaian baju kemeja dan seluar panjang (*slacks*) dengan tangan baju tidak dilipatkan.
- Tali leher hendaklah sesuai dan berpadanan dengan warna baju yang dipakai.



PAKAIAN THREE – PIECE PANT SUIT WANITA



- Penggunaan *three-piece pant suit* bagi pegawai wanita di KBS adalah dibenarkan semasa bekerja dan menghadiri upacara rasmi.
- Baju kemeja yang digunakan mestilah berlengan panjang, berwarna yang sesuai dan tangan baju tidak dilipatkan.

SUIT WANITA



- Penggunaan suit bagi pegawai wanita di KBS semasa bekerja boleh dipakai bersama skirt paras lutut dan skirt labuh.
- Baju kemeja yang digunakan mestilah berlengan panjang, berwarna yang sesuai dan tangan baju tidak dilipatkan.



PAKAIAN PEJABAT WANITA



- **Penggunaan Pakaian Kebangsaan atau Pakaian Tradisional kaum masing-masing yang sesuai adalah digalakkan kepada pegawai wanita di KBS.**
- **Fesyen / trend baju kurung haruslah tidak keterlaluan dan tidak menjolok mata (kain yang terlalu nipis dan mengikut bentuk badan).**
- **Pemakaian tudung bagi pegawai wanita hendaklah sesuai dan berpadanan dengan warna baju yang digunakan.**



BAJU BATIK




- **Pemakaian baju batik Malaysia pada setiap hari Khamis adalah diwajibkan.**
- **Pegawai lelaki perlu memakai baju batik Malaysia berlengan panjang dan *slacks* panjang.**
- **Arahan pemakaian batik pada setiap hari khamis ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam.**
- **Pemakaian baju batik selain daripada baju batik Malaysia adalah tidak dibenarkan.**



PAKAIAN KEBANGSAAN



- Penggunaan baju Kebangsaan setiap kaum haruslah lengkap dan kemas serta bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi.
- Penggunaan Pakaian Kebangsaan seperti baju Melayu lengkap adalah digalakkan pada setiap hari Jumaat.
- Pemakaian baju Melayu hendaklah lengkap dengan bersampin dan bersongkok.
- Penggunaan baju Melayu dengan kain sarong adalah tidak dibenarkan.





BAJU KORPORAT KBS



- **Penggunaan baju korporat KBS adalah hanya pada setiap hari Selasa dan diwajibkan.**
- **Pemakaian baju korporat warga KBS dipadankan dengan seluar panjang (*slacks*) bagi pegawai lelaki dan *skirt* labuh atau seluar panjang (*slacks*) bagi pegawai wanita.**
- **Penggunaan baju korporat untuk pegawai lelaki mestilah *tuck in* manakala bagi wanita pula dilepas keluar.**



PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN



- **Pemakaian baju t-shirt berleher bulat, seluar pendek, *jeans*, sandal, kasut getah, cerpu dan selipar adalah tidak dibenarkan sama sekali bagi semua warga KBS semasa waktu bekerja.**
- **Bagi pegawai awam wanita, selain daripada penggunaan baju kurung, baju batik dan *two / three-piece pant suit* adalah tidak dibenarkan.**
- **Kasut sukan juga tidak boleh dipakai semasa bekerja kecuali bagi majlis rasmi yang menetapkan kod pakaian sebegini.**



The background features a large, semi-transparent watermark of the KBS logo. The logo is circular with the letters 'KBS' in the center. The text 'KEMENTERIAN BELIA & SUKSES' is written along the top inner edge of the circle, and 'KORPORASI BROADCASTING' is written along the bottom inner edge. The entire watermark is set against a light-colored, vertically-ribbed textured background.

PENAMPILAN DIRI

PENGGUNAAN TANDA NAMA



- **Penggunaan tanda nama adalah diwajibkan kepada semua warga KBS semasa waktu bekerja.**

PEMAKAIAN KASUT

- **Pemakaian kasut kulit / PVC berwarna gelap adalah diwajibkan kepada warga lelaki semasa waktu bekerja. Ia haruslah di padankan dengan stokin yang bersesuaian.**
- **Pemakaian kasut kulit berwarna gelap, bertumit dan bertutup di bahagian hadapan adalah diwajibkan kepada pegawai dan kakitangan wanita semasa waktu bekerja.**



PENGGAYAAN RAMBUT



- **Penggayaan rambut lelaki hendaklah sentiasa pendek dan kelihatan kemas.**
- **Bagi wanita pula, rambut yang panjang mestilah diikat / disanggul dengan *net* (pengikat rambut) dan bagi yang berambut pendek, hendaklah disisip dengan kemas.**
- **Semua warga KBS adalah dilarang mewarnakan (*highlight*) rambut.**



PEMATUHAN ARAHAN

Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti berikut:

- ✓ **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2013 – Pemakaian two/three-piece pant suit bagi pegawai awam wanita semasa bekerja;**
- ✓ **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 – Pemakaian pakaian batik Malaysia oleh pegawai awam pada hari khamis;**
- ✓ **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006 – Fesyen pakaian alternatif sebagai pakaian semasa bekerja dan menghadiri upacara rasmi; dan**
- ✓ **Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.**
- ✓ **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 – Pakaian masa bekerja dan semasa menghadiri upacara-upacara rasmi bagi pegawai awam;**
- ✓ **Surat Pekeliling Am Bil.8 Tahun 1983 – Pemakaian Tanda Nama.**

Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat adalah hasil penterjemahan daripada pekeling perkhidmatan yang tersebut di atas bagi tujuan rujukan khusus untuk seluruh warga KBS.



PENUTUP

Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat ini diterbitkan selaras dengan hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk mewujudkan warga KBS yang profesional dan berketerampilan. Adalah diharapkan Garis Panduan ini dapat memudahkan pemahaman dan menjadi rujukan kepada warga KBS terhadap etika berpakaian ke pejabat. Imej dan penampilan yang kemas serta profesional akan mewujudkan persepsi positif kepada golongan belia dan masyarakat umum yang berurusan dengan warga KBS. Justeru, adalah diharapkan agar garis panduan ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga KBS dalam mencerminkan profesionalisma dan etika sebagai penjawat awam.



UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Menara KBS

**No.27, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62570 PUTRAJAYA**

www.kbs.gov.my

